



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA 2024

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) serta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) pada hari ini telah menganjurkan **Majlis Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2024**. Majlis perasmian anugerah yang diadakan di *Movenpick Hotel and Convention Centre KLIA* ini telah disempurnakan oleh **Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad, Timbalan Menteri Sumber Manusia**.

Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Negara merupakan anugerah berprestij yang dianjurkan oleh pihak kerajaan bagi memberi pengiktirafan tertinggi dalam negara kepada individu dan majikan yang mempamerkan penglibatan dan pencapaian cemerlang dalam pelaksanaan **Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan** di tempat kerja. Sejumlah **29 pemenang** anugerah telah dinobatkan dengan **28 pemenang merupakan pengiktirafan organisasi** dan **1 pemenang mewakili pengiktirafan individu**.

Penganjuran majlis anugerah ini adalah selaras dengan ratifikasi ***Promotional Framework for Occupational Safety and Health Convention (No. 187)*** atau dikenali sebagai **C187** di mana elemen Anugerah KKP Negara ini mempamerkan komitmen kerajaan Malaysia dalam memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja menjadi budaya di kalangan majikan dan pekerja secara khususnya dan kepada seluruh rakyat Malaysia amnya.

Pada majlis ini juga turut diadakan sesi pelancaran **Buku 150 Tahun Evolusi Penguatkuasaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia**. Penerbitan buku penuh sejarah berinformatif ini memperincikan langkah awal kerajaan dalam menguatkuasakan perundangan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, bermula di lombong-lombong bijih timah dan seterusnya merentasi pelbagai sektor pekerjaan masa kini.

Evolusi KKP di Malaysia merupakan hasil usaha berterusan kerajaan, majikan, pekerja, kesatuan sekerja, akademik dan semua pihak berkepentingan. Antara pencapaian besar dalam era ini termasuklah **penggubalan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994** yang menjadi batu asas pendekatan kawal selia sendiri di tempat kerja. Ini diperkuatkan lagi dengan komitmen kerajaan yang telah **meratifikasi C155, (Occupational Safety and Health Convention, 1981)** pada 11 Jun 2024, yang menekankan hak pekerja.

KESUMA melalui JKKP dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH) juga telah berjaya mendapat pengiktirafan **Guinness World Records** bagi **“World Record Achievement In Most Pledges Received For An Occupational Safety Campaign For One Year”**. Pengiktirafan yang diterima ini merupakan simbol komitmen negara terhadap KKP selain menjenamakan Malaysia sebagai peneraju dalam agenda KKP di peringkat antarabangsa.

Kerajaan sentiasa komited dalam menyediakan hala tuju strategik dan dinamik bagi memastikan aspek **keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja sentiasa diutamakan**.

Diharapkan penganjuran majlis anugerah pada hari ini dapat menyuntik semangat dan aspirasi kepada semua pihak untuk mempertingkatkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan seterusnya **membudayakan kerja selamat dan sihat** dalam organisasi masing-masing.

###

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia

17 Oktober 2025